

23/09/2000

Pulau Sabah jadi kem tahanan

KOTA KINABALU, Jumaat - Kerajaan Sabah akan berbincang dengan pihak keselamatan berhubung kawasan sesuai menempatkan pelarian perang dari Filipina yang mungkin melarikan diri ke negeri ini berikutan operasi tentera di selatan negara itu.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, berkata sebuah pulau mungkin sesuai dijadikan sebagai pusat tahanan sementara pelarian berkenaan kerana ia mudah dari segi kawalan keselamatan.

Katanya, penentuan pulau yang sesuai akan ditentukan oleh pihak keselamatan.

"Pihak keselamatan mungkin sudah mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk menempatkan pelarian terbabit.

"Apa yang penting, mana saja pulau yang akan dipilih, tidak akan menimbulkan masalah kepada penduduk tempatan terutama yang membabitkan keselamatan mereka," katanya selepas merasmikan Pelancaran Kempen Derma Darah di Shangri-La Tanjung Aru Resort (Star) di sini hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Filipina yang melarikan diri ke negara ini untuk mengelak serangan tentera di selatan negara itu, akan dianggap sebagai pelarian perang.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, mereka akan ditempatkan di kawasan khusus dan dilarang keluar kecuali jika sanggup balik ke Filipina.

Kebimbangan mengenai kebanjiran pelarian Filipina memuncak berikutan serangan tentera Filipina ke kem persembunyian Abu Sayyaf di Pulau Jolo sejak Sabtu.

Serentak dengan itu, kerajaan sudah menempatkan anggota tentera di tujuh pulau di sekitar perairan Sabah untuk menangani keadaan itu.

(END)